RABINDRAN DEVADASON

lwn.

MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI & SATU LAGI

MAHKAMAH TINGGI, KUALA LUMPUR
RAUS SHARIF H
[SAMAN PEMULA NO: R1-24-81-2005]
18 MEI 2006

PROSEDUR SIVIL: *Pembatalan - Saman pemula - Permohonan untuk membatalkan - Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980, A. 18 k. 19(1) - Sama ada plaintif mempunyai kausa tindakan yang munasabah - Sama ada suatu penyalahgunaan proses mahkamah*

UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN: *Kebebasan asasi - Kesamarataan di sisi undang-undang - Diskriminasi - Senarai pemberian AP di surat khabar menunjukkan tiada seorang keturunan bangsa India diberikan permit - Kesahihan laporan - Sama ada disokong oleh mana-mana keterangan - Sama ada boleh dijadikan asas untuk menyokong dakwaan plaintif - Syarat-syarat pemberian AP - Sama ada terpakai kepada semua dan bukan terhad kepada plaintif sahaja - Sama ada berlakunya diskriminasi terhadap plaintif - Sama ada berlakunya perlanggaran perkara 8 Perlembagaan Persekutuan*

Melalui saman pemula di kandungan 1, plaintif telah memohon, antara lain, suatu deklarasi bahawa plaintif mempunyai hak menurut Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan untuk mendapatkan lesen-lesen import ('AP') daripada defendan pertama. Plaintif di dalam kes ini telah menulis kepada Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (KSU-KPAI) memohon untuk mendapatkan 500 AP untuk mengimport kenderaan-kenderaan buatan asing. KSU-KPAI telah memberi jawapan kepada surat plaintif dan antara lain menyatakan bahawa permohonan pengimportan bagi kereta baru boleh dipertimbangkan hanya kepada syarikat yang dilantik sebagai pemegang francais oleh syarikat prinsipal iaitu pengeluar kenderaan-kenderaan baru tersebut di luar negara dan mempunyai pegangan ekuiti sekurang-kurangnya 70% bumiputera. Berikutan itu, plaintif telah menulis surat kepada KSU-KPAI dan telah membangkitkan perkara-perkara berikut (1) bahawa syarat-syarat yang dikenakan adalah membebankan dan menindas dan adalah satu diskriminasi;

(2) mempersoalkan polisi yang bersifat diskriminasi dan bertanyakan adakah ini suatu dasar kerajaan untuk mengetepikan rakyat bukan bumiputera; (3) bahawa tidak seorang pun rakyat Malaysia yang berasal dari keturunan India yang menerima AP. Apabila KSU-KPAI tidak menjawab surat plaintif tersebut, plaintif telah memfailkan saman pemula. Melalui saman dalam kamar, kandungan 12, defendan-defendan telah membuat permohonan supaya saman pemula plaintif dibatalkan di bawah A. 18 k. 19(1) Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 atas alasan bahawa plaintif tiada kausa tindakan yang munasabah terhadap defendan-defendan dan ianya adalah suatu penyalahgunaan proses mahkamah ini.

Diputuskan (membatalkan saman pemula plaintif di kandungan 1 dan membenarkan permohonan defendan-defendan di kandungan 12):

(1) Permohonan defendan-defendan untuk membatalkan saman pemula plaintif adalah berasaskan A. 18 k. 19(1) Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 (KKMT 1980). Proses terus di bawah kaedah ini hanya boleh digunakan di dalam kes-kes yang terang dan nyata dan prosedur terus ini hanya boleh digunakan apabila jelas bahawa sesuatu tuntutan atau tindakan adalah pada wajahnya 'obviously unsustainable.'Tindakan plaintif adalah tergolong kepada tindakan yang pada wajahnya 'obviously unsustainable.' (perenggan 9)

(2) Menurut plaintif, beliau telah didiskriminasikan. Sebagai pembuktian plaintif merujuk kepada senarai mereka yang diberikan permit AP seperti yang dilaporkan dalam surat khabar New Straits Times dan dari senarai tersebut menurutnya, tidak ada seorang pun keturunan berbangsa India diberikan permit. Fakta yang menjadi sandaran plaintif yang beliau didiskriminasikan adalah dari laporan akhbar yang mana kesahihan laporan tersebut tidak disokong oleh mana-mana keterangan. Sudah tentu laporan akhbar tanpa pengesahan bukanlah keterangan yang boleh dijadikan asas oleh plaintif untuk menyokong dakwaannya. (perenggan 11 & 12)

(3) KSU-KPAI telah memaklumkan kepada plaintif akan kedudukan dasar kerajaan berkaitan dengan pengeluaran AP dan syarat-syarat yang dikenakan. Dari affidavit jawapan yang difailkan oleh KSU-KPAI, syarat-syarat berkenaan pemberian AP adalah terpakai kepada semua dan bukan terhad kepada

plaintif sahaja. Dalam keadaan demikian tidak berlaku diskriminasi seperti yang didakwa oleh plaintif dan seterusnya tidak berlaku perlanggaran perkara 8 Perlembagaan Persekutuan. (perenggan 13)

(4) Diskriminasi *per se* tidak boleh didakwa melainkan ia juga adalah tidak adil. Oleh itu untuk menjadi boleh didakwa, diskriminasi mestilah diserta dengan unsur kekerasan atau prasangka tidak adil yang memihak satu pihak dan bukan pihak yang lain. Jelas plaintif tidak dapat menunjukkan bahawa diskriminasi telah dilakukan terhadapnya. (perenggan 14 & 15)

(5) Syarat-syarat seperti yang dinyatakan oleh KSU-KPAI merupakan dasar kerajaan dalam pengeluaran AP. Hak menetapkan polisi berkenaan pemberian AP terletak kepada kerajaan dan dalam melaksanakan hal tersebut, kerajaan berkewajipan untuk memastikan dan menjamin pemberian AP hanya diberikan kepada pemohon-pemohon yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan sahaja. Segala pemberian AP melibatkan suatu proses penilaian yang komprehensif oleh suatu jawatankuasa untuk memastikan syarat-syarat yang ditetapkan dipenuhi seseorang pemohon. Sudah tentu mahkamah bukanlah tempatnya untuk menentukan sama ada seseorang itu layak mendapatkan AP seperti yang cuba dilakukan oleh plaintif. (perenggan 16)

(6) Pernyataan-pernyataan plaintif di dalam suratnya lebih merupakan kritikan kepada dasar kerajaan mengenai pemberian AP. Sememangnya plaintif mempunyai hak untuk membahaskan atau mengkritik dasar tersebut, tetapi mahkamah bukanlah tempat atau forum untuk beliau berbuat demikian. Tindakan plaintif melalui saman pemula di kandungan 1 adalah tergolong kepada tindakan yang menyalahgunakan proses mahkamah yang boleh dibatalkan di bawah kuasa mahkamah di bawah A. 18 k. 19(1) KKMT 1980. (perenggan 17)

Kes-kes yang dirujuk:

Ahmad Tajudin Hj Ishak v. Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang [1997] 2 CLJ 225 CA ***(dirujuk)***

Bandar Builder Sdn Bhd v. United Malayan Banking Corporation Bhd [1993] 4 CLJ 7 SC ***(dirujuk)***

Sim Kie Chon v. Superintendent of Pudu Prison & Ors [1985] 2 CLJ 449; [1985] CLJ (Rep) 293 SC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Federal Constitution, art. 8(2)
Public Authorities Protection Act 1948, s. 2(b)
Rules of the High Court 1980, O. 18 r. 19(1)(a), (b)

Bagi pihak plaintiff - R Devadason; T/n Devadason & Devadason
Bagi pihak defendan - Suzana Atan (Munahyza Mustapha & Narkunavathy bersamanya) SSFC

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Raus Sharif H:

[1] Melalui saman pemula di kandungan 1 bertarikh 19 September 2005, plaintif telah memohon antara lain perkara-perkara berikut:

(i) Suatu deklarasi bahawa plaintif mempunyai hak menurut Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan untuk mendapatkan lesen-lesen import ("AP") daripada defendan pertama dan, jika perlu, daripada defendan kedua;

(ii) Jika mahkamah membenarkan pemohon (i) maka plaintif memohon suatu deklarasi bahawa plaintif mempunyai hak untuk mendapatkan 500 AP seperti dipohon di dalam surat-suratnya bertarikh 22 Julai 2005 dan 15 Ogos 2005 kepada Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri;

(iii) Jika mahkamah membenarkan pemohon (i) dan (iii), dan defendan pertama dan kedua tidak mempedulikan perintah mahkamah, maka plaintif memohon gantirugi terhadap defendan pertama dan kedua dengan kadar faedah 8% dari tarikh pemfailan sehingga tarikh penyelesaian; dan

(iv) Kos bagi permohonan ini.

[2] Plaintif di dalam kes ini adalah seorang peguam. Pada 22 Julai 2005 beliau telah menulis kepada Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (KSU – KPAI) memohon untuk mendapatkan 500 AP untuk mengimport kenderaan-kenderaan buatan asing. Pada 8 Ogos 2005, KSU - KPAI telah memberi jawapan kepada surat plaintif dan antara lain menyatakan perkara-perkara berikut:

(2) Dimaklumkan bahawa permohonan untuk mengimport kereta baru dan terpakai daripada syarikat baru bukan francais tidak lagi dipertimbangkan oleh kerajaan sejak tahun 1988.

(3) Walau bagaimanapun, permohonan pengimportan bagi kereta baru boleh dipertimbangkan hanya kepada syarikat yang dilantik sebagai pemegang francais oleh syarikat prinsipal iaitu pengeluar kenderaan-kenderaan baru (bukan tuned-up) tersebut di luar negara. Syarikat pemegang francais ini hendaklah memenuhi syarat-syarat iaitu:

(i) mempunyai perjanjian francais sebagai pengimport tunggal dan eksklusif kenderaan baru dengan prinsipal kenderaan di luar negara;

(ii) mempunyai pegangan ekuiti sekurang-kurangnya 70% bumiputera;

(iii) pengimportan dibuat secara terus daripada kilang prinsipal;

(iv) model kenderaan belum dipasang atau dipasarkan oleh mana-mana syarikat francais di Malaysia; dan

(v) mempunyai keupayaan dari segi pengurusan dan kewangan untuk mengendalikan sendiri perniagaan.

[3] Berikutan dengan surat KSU – KPAI tersebut plaintif telah sekali menulis surat bertarikh 15 Ogos 2005 kepada KSU - KPAI dan telah membangkitkan perkara-perkara yang boleh diringkaskan seperti berikut:

(i) Bahawa syarat-syarat yang dikenakan adalah membebankan dan menindas dan adalah satu diskriminasi dan sebagai orang yang akan melaburkan wang beliau tidak ada apa-apa sebab mengapa beliau patut memberi 70% equiti kepada orang lain melainkan jika orang itu juga sanggup turut melabur;

(ii) Mempersoalkan polisi yang bersifat diskriminasi dengan menyatakan bahawa jika polisi diskriminasi yang sedemikian, pemimpin negara ini tidak patut berharap akan menjadikan negara ini bersepadu. Seterusnya beliau bertanyakan adakah ini suatu dasar kerajaan untuk mengetepikan rakyat bukan bumiputera dan mempastikan bahawa taraf/kedudukan mereka diturunkan ke peringkat yang paling rendah;

(iii) Bahawa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri tiada mempunyai kuasa lagi untuk meluluskan AP, dan bahawa kelulusan berkenaan akan ditangani oleh suatu

Jawatankuasa Khas Kabinet yang diketuai oleh Perdana Menteri. Oleh itu, beliau memohon dihantar permohonan beliau bagi 500 AP kepada Jabatan Perdana Menteri;

(iv) Bahawa beliau bukan sahaja berazam untuk dapatkan AP itu tetapi beliau hendak mendapatkan 500 AP itu atas nama beliau dan beliau akan mengambil apa-apa langkah sahaja untuk mendapatkannya, biarpun beliau terpaksa membawa kes ke mahkamah. Beliau percaya bahawa kedudukan beliau sebagai seorang rakyat Malaysia yang berasal dari keturunan India, tidak akan menjadi alasan bagi menolak permohonannya;

(v) Bahawa syarat-syarat lain yang dinyatakan di dalam surat tersebut akan dipatuhi selepas beliau menerima 500 unit AP tersebut;

(vi) Bahawa sub-perenggan (ii) di perenggan 3 surat tersebut adalah suatu perlanggaran art. 8(2) Perlembagaan Persekutuan;

(vii) Bahawa tidak ada seorang pun rakyat Malaysia yang berasal dari keturunan India yang menerima AP; dan

(viii) Meminta permohonannya dihantarkan kepada Pihak Berkuasa yang relevan dan menurutnya jika beliau tidak menerima jawapan yang positif dalam masa 10 hari dari tarikh suratnya, beliau akan mengarahkan peguamcaranya untuk memulakan prosiding mahkamah.

[4] KSU - KPAI tidak menjawab surat plaintif tersebut. Jadi plaintif telah memfailkan saman pemula ini pada 29 September 2005.

[5] Pada 29 Disember 2005, melalui saman dalam kamar, kandungan 12, defendan-defendan telah membuat permohonan supaya:

(i) Saman pemula plaintif bertarikh 19 September 2005 dibatalkan di bawah A. 18 k. 19(1)(a) dan/atau A. 18 k. 19(1)(b) dan/atau A. 18 k. 19(1)(d) Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 dan/atau kuasa sedia ada mahkamah yang Mulia ini atas alasan bahawa:

(a) plaintif tiada kausa tindakan yang munasabah terhadap defendan-defendan;

(b) ianya adalah suatu tindakan yang mengaibkan, remeh dan menyusahkan; dan

(c) ianya adalah suatu penyalahgunaan proses mahkamah ini.

(ii) bahawa segala prosiding digantung sehingga permohonan ini diputuskan;

(iii) bahawa plaintif hendaklah membayar kos permohonan ini atas dasar peguamcara dan anakguam selaras dengan peruntukan s. 2(b) Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948.

[6] Alasan kepada permohonan tersebut adalah bahawa:

(i) pliding plaintif tidak mendedahkan sebarang kausa tindakan yang munasabah terhadap defendan-defendan;

(ii) tindakan plaintif ini adalah mengaibkan, remeh dan menyusahkan kerana segala perkara berhubungkait dengan pemberian AP adalah dikawal selia oleh polisi kerajaan bagi tujuan keseragaman; dan

(iii) tindakan plaintif ini adalah suatu penyalahgunaan proses mahkamah yang mulia kerana urusan pemberian AP melibat satu proses penilaian yang komprehensif dan mahkamah yang mulia ini bukanlah forum yang sesuai untuk menentukan perkara berhubung pemberian AP.

[7] Permohonan defendan-defendan adalah disokong dengan afidavit sokongan yang diikrarkan oleh KSU – KPAI, Dato' Mohd. Sidek bin Hassan.

[8] Pada 7 Mac 2005, saya telah membenarkan permohonan defendan-defendan di kandungan 12 dengan kos dan berikutan dengan itu saman pemula plaintif di kandungan 1 telah dibatalkan. Sekarang, saya memberi alasan mengapa saya berkeputusan sedemikian.

[9] Seperti yang dinyatakan tadi bahawa permohonan defendan-defendan untuk membatalkan Saman Pemula plaintif adalah berasaskan A. 18 k. 19(1) Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi (KKMT 1980). Prinsip-prinsip atas mana mahkamah bertindak apabila menggunakan kuasanya di bawah mana-mana satu perenggan A. 18 k. 19(1) tersebut adalah jelas. Proses terus di bawah kaedah ini hanya boleh digunakan di dalam kes-kes yang terang dan nyata dan prosedur terus ini hanya boleh digunakan

apabila jelas bahawa sesuatu tuntutan atau tindakan adalah pada wajahnya 'obviously unsustainable'. Prinsip-prinsip ini telah pernah dijelaskan oleh Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Sim Kie Chon v. Superintendent of Pudu Prison & Ors* [1985] 2 CLJ 449; [1985] CLJ (Rep) 293 di mana Abdul Hamid CJ (Malaya) (pada masa itu) telah menyatakan:

> The principle governing the striking out of pleadings is clear in that it is only in plain and obvious cases that recourse should be had to the summary process under Order 18 Rule 19 of the Rules of the High Court 1980: "the summary procedure under this Rule can only be adopted when it can clearly be seen that a claim or answer is on the face of it 'obviously unsustainable'. *(Attorney General of Duchy of Lancaster v. L & N.W. Railway Co.)* (Supreme Court Practice 1985)

[10] Prinsip-prinsip tersebut di atas telah sekali lagi ditekankan oleh Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Bandar Builder Sdn Bhd v. United Malayan Banking Corporation Bhd* [1993] 4 CLJ 7 di mana Mohamed Dzaiddin SCJ (pada masa itu) telah menyatakan:

> The principles upon which the court acts in exercising its power under any of the four limbs of Order 18 r 19(1) of the RHC are well settled. It is only in plain and obvious cases that recourse should be had to the summary process under this rule and this summary procedure can only be adopted when it can be clearly seen that a claim or answer is on the face of it 'obviously unsustainable'.

[11] Dengan menggunapakai kes-kes di atas saya dapati bahawa tindakan plaintif tergolong kepada tindakan yang pada wajahnya 'obviously unsustainable'. Di dalam kes ini plaintif memohon untuk suatu deklarasi bahawa plaintif mempunyai hak menurut Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan untuk mendapatkan AP dari defendan pertama. Jika deklarasi ini dibenarkan, plaintif seterusnya memohon satu lagi deklarasi bahawa dia berhak mendapat 500 unit AP seperti dipohon melalui surat-surat bertarikh 22 Julai 2005 dan 15 Ogos 2005. Persoalannya, apakah kausa tindakan plaintif ini? Menurut plaintif beliau telah didiskriminasikan. Sebagai pembuktian plaintif merujuk kepada senarai mereka yang diberikan permit AP seperti yang dilaporkan dalam surat khabar New Straits Times dan dari senarai tersebut menurutnya, tidak ada seorang pun keturunan berbangsa India diberikan permit.

[12] Persoalan yang timbul ialah bahawa fakta yang menjadi sandaran plaintif yang beliau didiskriminasi adalah dari laporan akhbar yang mana kesahihan laporan tersebut tidak disokong oleh mana-mana keterangan. Sudah tentu laporan akhbar tanpa pengesahan bukanlah keterangan yang boleh dijadikan asas oleh plaintif untuk menyokong dakwaannya.

[13] Persoalan seterusnya ialah, jika pun laporan akhbar tersebut hendak diambilkira, adakah dakwaan plaintif bahawa beliau telah didiskriminasikan kerana beliau berketurunan India itu benar? Di dalam hal ini KSU - KPAI telah memaklumkan kepada plaintif akan kedudukan dasar kerajaan berkaitan dengan pengeluaran AP dan syarat-syarat yang dikenakan melalui surat bertarikh 8 Ogos 2005. Dari afidavit jawapan yang difailkan oleh KSU – KPAI, Dato' Mohd Sidek bin Hassan bahawa syarat-syarat berkenaan pemberian AP adalah terpakai kepada semua dan bukan terhad kepada plaintif sahaja. Jadi pada saya dalam keadaan demikian tidak berlaku diskriminasi seperti yang didakwa oleh plaintif dan seterusnya tidak berlaku perlanggaran art. 8 Perlembagaan Persekutuan.

[14] Persoalan mengenai diskriminasi di bawah art. 8 Perlembagaan Persekutuan telah pernah dibincangkan oleh Mahkamah Rayuan di dalam kes *Ahmad Tajudin bin Haji Ishak v. Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang* [1997] 2 CLJ 225. Mahkamah Rayuan yang telah membincangkan diskriminasi di bawah art. 8 telah memutuskan bahawa bagi menjadikan diskriminasi boleh didakwa, unsur-unsur berikut haruslah dibuktikan:

(i) mesti terdapat bentuk diskriminasi;

(ii) diskriminasi mestilah tidak adil;

(iii) mesti terdapat sesuatu keburukan atau kerugian yang diakibatkan.

Untuk berjaya, plaintif harus menunjukkan diskriminasi yang diamalkan atas dirinya. Diskriminasi *per se* tidak boleh didakwa melainkan ia juga adalah tidak adil. Oleh itu untuk menjadi boleh didakwa, diskriminasi mestilah diserta dengan unsur kekerasan atau prasangka tidak adil yang memihak satu pihak dan bukan pihak yang lain.

[15] Di dalam kes plaintif ini, jelas plaintif tidak dapat menunjukkan bahawa diskriminasi telah dilakukan terhadapnya. Bagaimanakah plaintif boleh mendakwa diskriminasi telah berlaku apabila syarat-syarat wujud seperti yang dinyatakan oleh KSU – KPAI adalah terpakai kepada semua dan bukan dikhususkan kepada plaintif seorang.

[16] Saya juga berpendapat bahawa syarat-syarat seperti yang dinyatakan oleh KSU – KPAI merupakan dasar kerajaan dalam pengeluaran AP. Seperti yang dinyatakan oleh KSU – KPAI di dalam afidavitnya bahawa hak menetapkan polisi berkenaan pemberian AP terletak kepada kerajaan dan dalam melaksanakan hal tersebut kerajaan berkewajipan untuk memastikan dan menjamin pemberian AP hanya diberikan kepada pemohon-pemohon yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan sahaja. Menurut KSU – KPAI segala pemberian AP melibatkan suatu proses penilaian yang komprehensif oleh suatu jawatankuasa untuk memastikan syarat-syarat yang ditetapkan dipenuhi seseorang pemohon. Sudah tentu mahkamah bukanlah tempatnya untuk menentukan sama ada seseorang itu layak mendapatkan AP seperti yang cuba dilakukan oleh plaintif di dalam kes ini.

[17] Pada saya, apabila surat plaintif bertarikh 15 Ogos 2005 diteliti, adalah didapati bahawa pernyataan-pernyataan plaintif di dalam surat tersebut lebih merupakan kritikan kepada dasar kerajaan mengenai pemberian AP. Sememangnya plaintif mempunyai hak untuk membahaskan atau mengkritik dasar tersebut, tetapi pada saya mahkamah bukanlah tempat atau forum untuk beliau berbuat demikian. Jadi, pada saya tindakan plaintif melalui saman pemula di kandungan 1 adalah tergolong kepada tindakan yang menyalahgunakan proses mahkamah yang boleh dibatalkan di bawah kuasa mahkamah di bawah A. 18 k. 19(1) KKMT 1980.

[18] Atas alasan-alasan tersebut di atas maka permohonan defendan-defendan di kandungan 12 telah dibenarkan dengan kos dan berikutan dengan itu usul pemula plaintif di kandungan 1 telah dibatalkan.